



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA BIASA

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

DEWAN UNDANGAN NEGERI
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
MESYUARAT YANG PERTAMA**

19 MEI 2003 HINGGA 27 MEI 2003

27 MEI 2003 (SELASA)

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA

Kandungan	Muka Surat
SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN	
Penggulungan ucapan terima kasih TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang oleh Y.A.B. Ketua Menteri.	3
Usul daripada Timbalan Ketua Menteri	
Perlantikan Ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	27
Usul daripada Timbalan Ketua Menteri	
Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:	29
Usul daripada Timbalan Ketua Menteri	
Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:	30
Usul daripada Timbalan Ketua Menteri	
Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Awam Kerajaan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	32
Usul daripada Y.B. Encik Law Heng Kiang.	34
Perbahasan Usul Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)	36
Perbahasan Usul Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik).	39
Perbahasan Usul Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan)	41
Penggulungan Usul oleh Y.B. Encik Law Heng Kiang	44
Pemilihan Ahli Dewan Negara	45

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA

Hari Khamis : 27 Mei 2003 (Selasa)
(Tempat : Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.
Jam : 9.30 pagi.

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) - Dato' Speaker
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) –
Ketua Menteri
Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) –
Timbalan Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)
Penasihat Undang-Undang Negeri (Puan Hinshawati bt. Shariff)
Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin
Abdullah
“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Kebun Bunga (Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Paya Terubong (Y.B. Dato' Dr. Loh Hock Hun)
“ Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan) – Timbalan
Speaker

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)

- “ Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Haji Syed Ahmad)
- “ Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
- “ Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
- “ Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- “ Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
- “ Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
- “ Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
- “ Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
- “ Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
- “ Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- “ Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
- “ Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- “ Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhammad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
- “ Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
- “ Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
- “ Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- “ Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- “ Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Bagan Jermal (Y.B. Dato’ Dr. Sak Cheng Lum)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan bersambung semula pada jam 9.30 pagi.

Doa

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula dengan perbahasan. Saya ingin menjemput YAB Ketua Menteri untuk mengambil bahagian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Speaker, terima kasih. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Memang banyak idea, pandangan dan juga cadangan yang telah dikemukakan yang bernas dan juga berguna. Kerajaan negeri akan mengambil kira semua pandangan yang membina dan positif yang dapat bersama-sama menyumbang terhadap pembangunan ekonomi, sosial dan segala aspek bagi kebajikan dan kebaikan rakyat negeri ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana dalam ucapan menggulung mereka telah dapat menjawab kebanyakan daripada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini. Jawapan mereka ini menunjukkan bahawa mereka iaitu semua Ahli Exco memang amat *hands-on* iaitu mereka bukan sahaja memerhati dan memantau tetapi melibatkan diri secara langsung dalam hampir semua aspek pembangunan negeri ini, sama ada dari segi pembangunan prasarana, pembangunan ekonomi, pelancongan, perdagangan, pertanian atau apa jua bidang ekonomi. Dari segi pentadbiran mereka memang sering berganding bahu dengan para pegawai kerajaan di semua peringkat iaitu kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan, kerajaan tempatan, di peringkat daerah mahupun bersama-sama dengan pertubuhan kerajaan seperti JKKK dan Rukun Tetangga ataupun bukan kerajaan iaitu NGO.

Oleh itu pendekatan Barisan Nasional sememangnya ialah satu pendekatan yang mesra rakyat iaitu berunding dan bergaul dengan rakyat supaya mendapat maklumbalas yang secukupnya. Saya tidak berhasrat untuk berpanjang lebar terhadap beberapa perkara yang telah dijawab oleh rakan-rakan saya. Saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara yang saya menganggap masih penting yang harus diberi penekanan oleh saya sebagai Ketua Menteri.

Dato' Speaker, memang betul apa yang disebutkan oleh Y.B. Machang Bubuk sebagai Ahli EXCO yang bertanggungjawab untuk perancangan ekonomi negeri. Kita tidak mahu terlalu bergantung kepada industri ICT iaitu teknologi maklumat dan komunikasi, *information and communication technology*. Walau bagaimanapun kenyataan ini sebagai satu pendekatan kerajaan negeri tidak bermakna kita akan mengabaikan atau tidak mengutamakan atau kurangkan perhatian dan penekanan terhadap industri ICT ini. Ini adalah kerana Industri ICT telah berkembang dengan begitu pesat di seluruh dunia dan juga di Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang dan ianya telah mempunyai satu momentum yang amat besar dan dijangka akan terus berkembang dengan pesatnya dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang. Izinkan saya memberi angka sedikit untuk meyakinkan ahli dewan dan juga rakyat Negeri Pulau Pinang bahawa memang tidak salahnya untuk kerajaan dan untuk Negeri Pulau Pinang berusaha mengekalkan bahkan mempertingkatkan industri ICT ini. Sebenarnya sektor ICT di seluruh dunia merupakan sektor yang amat berkembang. Kadar pertumbuhan setahun pada puratanya dalam tempoh tahun 90an iaitu diantara 1990 hingga tahun 2000 adalah melebihi 10% tiap-tiap tahun berbanding dengan sektor-sektor lain termasuk juga pembuatan yang lain yang cuma dapat berkembang purata kurang daripada 5%.

Keduanya sektor ICT sekarang merupakan sektor yang terbesar sekali di seluruh dunia, dalam ekonomi dunia. Pada tahun 1990 nilai eksport sedunia untuk bidang ICT adalah lebih kurang US\$ 260 billion. Pada waktu itu masih lebih kecil kalau berbanding dengan industri automobil dengan nilai eksport US\$313 billion ini pada tahun 1990. Tetapi pada tahun 2000, walaupun industri automobil berkembang mencapai US\$545 billion pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5% setiap tahun tetapi *industri ICT* pada tahun 2000 telah mencapai US\$960 billion iaitu hampir-hampir US\$1 trillion iaitu sejuta-juta US\$. Dengan kadar pertumbuhan lebih daripada 10% setiap tahun. Bagi negara Malaysia pada amnya eksport industri ICT pada tahun 1990 ialah US\$6.5 billion tetapi ianya telah berkembang mencapai US\$47 billion pada tahun 2000 iaitu perkembangan sebanyak 7½ kali ganda dalam tempoh 10 tahun. Berbanding dengan nilai eksport petroleum pada tahun 2000 ialah sebanyak US\$10 billion ataupun *palm oil* sebanyak US\$3.5 billion. Adalah nyata bahawa sektor ICT ini melebihi sektor petroleum 5 kali ganda dari segi nilai eksport bagi negara kita. Dan kebanyakan daripada nilai ini sebenarnya digunakan oleh industri ICT di Negeri Pulau Pinang khususnya juga di Selangor dan Johor. Ini tiga buah negeri yang utama. Oleh itu dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat ada dijangka bahawa industri ICT ini akan dapat bertumbuh dengan lebih pesatnya. Oleh kerana Pulau Pinang sudah mempunyai asas yang agak kukuh tetapi masih belum lengkap dalam industri ICT ini maka kita mempunyai daya saing

atau *competitive edge* yang tidak terdapat di kebanyakan negara kecuali mungkin kalau kita secara perbandingan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Eropah. Tetapi negara-negara itu memang mempunyai kos yang amat tinggi sekarang. Ingin hendak memindahkan proses bukan sahaja pembuatan tetapi perkhidmatan logistik, R&D ke tempat-tempat yang lebih berdaya maju dan berdaya saing. Oleh itu dalam konteks sedemikian memanglah kita sedang bersaing dengan negara-negara seperti China, India, Vietnam dan kita sedang juga mengejar Singapura, Hong Kong dan juga Taiwan. Mereka berada di hadapan dan di belakang kita dikejar negara-negara China, Vietnam, India dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya masih mempunyai keyakinan. Bukan saya sahaja mempunyai keyakinan tetapi para pengurusan atasan kebanyakan daripada syarikat-syarikat transnasional yang telah melabur dan beroperasi di Negeri Pulau Pinang mempunyai keyakinan bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai satu asas untuk terus bersaing dengan negara-negara lain. Oleh itu tugas kita ialah untuk memperkukuhkan lagi bidang ini, bidang ICT ini. Di samping itu kita akan mempelbagaikan dan sebenarnya setelah dan sedang dan akan terus mempelbagaikan asas-asas ekonomi negeri kita. Dalam erti kata yang lain, kita mempelbagaikan tetapi tanpa mengorbankan apa yang sedia ada. Yang sedia ada kita akan memperkembangkan, memperkukuhkan, mempertingkatkan tetapi kita telah dan akan terus menerokai bidang-bidang yang lain.

Dato' Speaker, sebenarnya kita telah berusaha untuk berbuat demikian dan telah mendapat hasil yang positif dalam usaha kita dalam mempelbagaikan asas ekonomi kita. Walaupun masih ada banyak yang harus diusahakan. Sebagai contoh bidang-bidang berkaitan dengan sektor ICT seperti *precision engineering*, *precision plastic* dan sebagainya dapat kita masuk ke dalam pasaran dunia secara lebih besar-besaran lagi.

Keduanya jarang disebut dan jarang diketahui oleh ramai bahawa dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini industri memproses minyak kelapa sawit di Prai dalam kompleks Palmco telah bertumbuh dan sudah menjadi kompleks *oleo chemical* yang berdasarkan kepada (dengan izin)...*vegetable based oleo chemical* merupakan dari segi *volume* atau isi padu keluaran merupakan kompleks *vegetable base oleo chemical* yang terbesar di seluruh dunia dengan adanya banyak potensi untuk industri hiliran atau *down stream industry*. Usaha sedang ditujukan untuk menerokai industri-industri hiliran ini. Yang keduanya jarang juga disebut walaupun saya cuba memberi publisiti yang lebih supaya menarik perhatian dan tumpuan ialah sebenarnya industri perikanan.

Di Negeri Pulau Pinang mempunyai potensi yang amat besar. Kami telah mengambil beberapa tahun untuk meyakinkan kerajaan pusat supaya membangunkan pelabuhan perikanan laut dalam *deep sea fishing base* di Batu Maung. Akhirnya kami memang bersyukur kerajaan pusat telah bersetuju untuk menyalurkan bagi pembangunan *deep sea fishing base* di Batu Maung. Disamping itu memang kita amat bertuah kerana pada tahun 1999 kami berjaya untuk menarik ditempatkan di Pulau Pinang ibu pejabat bagi Pusat Penyelidikan Perikanan Sedunia *The World Fish Centre* atau IKLAM, *International Centre For Living Aquatic Resource Management* di mana ahli saintis daripada 20 lebih buah negara berada di Pulau Pinang. Bermastautin di Pulau Pinang untuk menyelaraskan kerja-kerja penyelidikan terhadap perikanan sedunia. Kita mempunyai Institut Penyelidikan Perikanan Negara bertempat di Batu Maung. Di samping itu USM juga mempunyai bidang pengkhususan didalam kajian *marine biology* atau *bio-tech*. Oleh itu baru-baru ini kerajaan negeri telah menerima cadangan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan untuk *bio-tech marine*. *Industry marine* di seluruh negara bahkan untuk seluruh rantau ASEAN ini kerana kami mempunyai sumber-sumber penyelidikan yang begitu kuat. Oleh itu seperti yang disebut dalam ucapan Tuan Yang Terutama, industri perikanan akan diberi satu suntikan yang kuat oleh gabungan tiga institusi dijadikan kecemerlangan *marine bio-tech research and industry* atau dikenali sebagai MALBERY.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad):

Dato' Speaker, saya tertarik dengan penjelasan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri tentang eksport ICT negara kita yang disebutkan tadi US\$40 billion. Kalau US\$40 billion saya kira 25% daripada GMP negara kita dan kalau 25% menunjukkan memanglah satu pendapatan yang baik.

Soalan saya (dengan izin)... *how better* dalam *research R&D* yang kita tubuhkan baru-baru ini, banding dengan Pulau Pinang seperti dengan Selangor dan juga Johor. Soalan saya nombor satu dan kedua kalau kita mendapat *income* yang begitu banyak yang dikatakan tadi hampir-hampir 25% daripada GNP Malaysia. Adakah usaha daripada kerajaan kita untuk hendak minta sumbangan pada Kerajaan Pusat mendapat sumbangan yang lebih banyak. Kalau dekat RM1 million yang kita cakap tentang *investment* kita dalam R&D, memang kalau banding dengan export itu begitu minimum, kecil sangat, jadi adakah kita usaha untuk mendapatkan peruntukan atau suntikan yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk memperbesarkan lagi R&D kita dalam ICT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sememangnya kita mempunyai kelebihan ataupun *advantage* dari segi R&D dalam bidang ICT kerana proses R&D ini telah dan sedang berlangsung selama lebih kurang hampir 20 tahun dan khususnya dalam tahun 90-an oleh Syarikat-syarikat Transnational. Mereka sekarang bersedia untuk memindah lebih banyak lagi kerja R&D kepada Negeri Pulau Pinang khususnya pun mereka juga mempunyai keyakinan terhadap kemampuan para engineer kita dan juga dari segi *interlectual property protection*....(dengan izin), iaitu engineer kita mempunyai *integrity*, kewibawaan di mana hasil R&D tidak dibocorkan sebelum ianya dapat dibuat sebagai produk untuk syarikat yang berkenaan tidak seperti yang berlaku di beberapa negara yang lain. Oleh itu, kewibawaan dan kemampuan engineer kita menjadi satu penarikan, satu *attraction* yang agak penting bagi negara kita. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa tahap teknologi bagi engineer kita masih perlu dipertingkatkan lagi dan kita memerlukan lebih ramai engineer lagi dan secara perbandingan saya ingat Selangor pun berada di satu tahap yang agak kuat tetapi Selangor dan Johor lebih bertumpu kepada pengeluaran bahan-bahan dan produk-produk yang lebih besar bentuknya iaitu *electrical, consumer, electronic* dan disebaliknya negeri Pulau Pinang tertumpu kepada IT dan komputer. Sebagai satu contoh saya ingin menunjukkan satu angka lagi, ini daripada United Nation Council & Development (UNTEC) yang di mana kita dapat semua angka-angka ini untuk bidang komputer. Negara Malaysia pada tahun 1990 mengeksport sebanyak US\$30 juta 1990 tetapi pada tahun 2000 pengeksportan komputer kita kerana kita ada Dell, IBM di Pulau Pinang sudah mencapai RM7,180 juta (7.18 billion) berbanding dengan cuma RM30 juta sahaja pada tahun 1990. Ini bermakna bahawa peningkatan adalah sebanyak 240 kali ganda (*Two hundred and forty times in ten years*) Saya ingat angka ini amatlah *impressive* berbanding dengan mana-mana negara-negara pun. Ini kerana kemampuan engineer kita, kerja kita dan kerana sistem kita yang sudah wujud dan dapat berkembang dengan pesat dengan juga adanya satu rangkaian, ataupun network pembekal tempatan yang berkualiti yang dapat membekalkan banyak daripada komponen yang diperlukan. Walaupun masih sebahagian besar komponen yang diperlukan masih di import tetapi ini bermakna bahawa kita mempunyai peluang dan potensi supaya untuk menggantikan import ini dengan bahan-bahan dan komponen-komponen yang dibuat di dalam negara kita bukan saja terhad kepada Negeri Pulau Pinang tetapi di sekeliling Negeri Pulau Pinang, Sungai Petani, Kulim dan Parit Buntar sampai Ipoh, sampai Kuala Lumpur, kita dapat *outsourcing* dan itulah sebagai satu rangka yang diusahakan.

Saya boleh memberitahu Dewan ini bahawa saya sendiri dan juga bersama-sama dengan pihak pengurusan atasan anak Malaysia dari Syarikat-syarikat Transnational ini dan juga daripada IKS tempatan sedang berusaha dengan gigih, hampir setiap hari, setiap malam, saya membuat panggilan ke *oversea* atau ke mana-mana yang dapat menghubungi CEO mereka. Oleh kerana itu, saya sendiri kena buat *homework* terhadap bidang ICT ini supaya perbincangan saya dengan mereka ini bukan setahap *hello, how are you* saja tetapi secara mendalam yang dapat membincangkan apakah kekuatan Negeri Pulau Pinang dan Negara Malaysia. Oleh itu, saya ingin meyakinkan semua Ahli Dewan bahawa kerajaan negeri memang telah dan akan terus berusaha untuk memperkukuhkan bidang ICT dan mempelbagaikan asas ekonomi kita dalam bidang pembuatan. Selain daripada itu, kita akan menerokai bidang-bidang yang baru yang lain.

Dato' Speaker, satu isu yang lain yang telah dibangkitkan, Ahli Batu Lancang...(gangguan)

Dato' Speaker:

Ya, Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, tentang sektor perikanan. Bolehkah Ketua Menteri menjelaskan lebih lanjut lagi adakah sektor perikanan ini bidang kuasa Kerajaan Pusat? atau kerajaan negeri dan sampai sekarang berapakah peruntukan yang kita dapat? Adalah sektor ini telah berhasil iaitu kerajaan negeri telah mendapat hasil daripada sektor ini untuk bertambah ekonomi Negeri Pulau Pinang? Tetapi yang kita tahu, kalau sektor perikanan kita membandingkan luar negeri memang kita ada kelemahan kerana di negara lain seperti Thailand, Jepun, Eropah atau Scandinavia, mereka adalah lebih pakar daripada kita untuk dalam bidang ini. Macam mana kita bertambah kekuatan kita dalam bidang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang kita tidak dapat dinafikan bahawa kalau kita berbanding dengan Jepun dengan Negara-negara Scandinavia. Mereka memang lebih maju dalam sektor perikanan bukan saja dari segi penangkapan ikan tetapi dari segi memproses, dari segi R&D. Tetapi kita bukan serba kekurangan bukan, kita mempunyai satu pusat penyelidikan antarabangsa yang kita berjaya untuk menarik dipusatkan di Negeri Pulau Pinang. *That's The International, The World Head Quarters* berada di sini sebagai permulaan *as a start*.

Saya ingat *that is the good start*, (dengan izin). Yang keduanya Institute Penyelidikan Perikanan Negara, *The International Institute For Fisheries Research*. Sebenarnya sudah berada di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1957. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, mereka pun sangat giat untuk meningkatkan lagi mutu penyelidikan mereka dan dengan adanya Batu Maung *Deep Sea Fishing Warf* yang akan dibina, maka ianya akan membentuk satu *clusters* yang berpotensi besar. Walau bagaimanapun, Dato' Speaker, sebenarnya industri memproses makanan lautan di Negeri Pulau Pinang adalah yang terbesar di seluruh Negara Malaysia Kita sudah mempunyai asas berbanding dengan negeri-negeri lain. Berbanding dengan negara-negara lain kita masih memerlukan usaha yang lebih gigih dan dari segi ini memang Kerajaan Pusat telah meluluskan konsep *mulbry centre of excellent* yang telah saya sebutkan tadi dan sudah bersedia untuk memberi peruntukan supaya bukan saja untuk penyelidikan, peruntukan itu diberi terus kepada *Fisheries Research Institute* kepada USM dan juga badan antarabangsa mempunyai peruntukannya sendiri. Apa yang perlu ialah kita perlu satu urusetia, secretariat untuk menyelaraskan ketiga-tiga institusi ini. Ini bukan satu kerja yang senang tetapi telah dan baru saja diwujudkan satu urusetia yang akan diberi peruntukan oleh Kerajaan Pusat supaya kita menyelaraskan kerja-kerja ini supaya kerja-kerja R&D mereka tidak bertindih, *not overlapping* tetapi saling menghendaki, *muturing complimentary*. Lebih penting lagi untuk mendapatkan hasil daripada R&D ini untuk faedah orang tempatan. Itu yang menjadi tumpuan khas. Oleh itu, saya percaya bahawa kita akan nampak hasil dalam beberapa tahun yang akan datang kerana usaha ini baru saja dimulakan di selaraskan oleh saya sendiri sebagai permulaan dan dibantu oleh Yang Berhormat Dato' Azhar daripada Penaga sebagai Ahli Exco yang bertanggungjawab terhadap pertanian dan perikanan. Ini telah berjalan tapi belum lagi matang dan kita memanglah mempunyai harapan yang besar terhadap usaha ini.

Dato' Speaker, saya ingat sudah cukuplah dua soalan ya. Saya hendak buat habis yang lain. Tadi, semalam semasa perbahasan ucapan gulung memang ada dibangkitkan khasnya Ahli Datok Keramat bahawa Kerajaan Pusat sudah kata bahawa katanya bahawa tidak patut membina lagi prasarana, *no need to go for more infrastructures*. Saya ingat ini pun mungkin satu salah faham. Apa yang dimaksudkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, pembinaan prasarana sahaja tidak mencukupi. Apa yang diperlukan ialah *software and humanware* yang akan mengisi prasarana. Katakanlah kita ada sebuah dewan ataupun sebuah bangunan untuk R&D.

Ada yang penting ialah R&D yang berlaku bukan sahaja prasarana tapi prasarana itu masih diperlukan kerana prasarana ini merangkumi satu bidang yang amat luas. Ianya termasuk jalan-jalan kampung, jejambat, jambatan, pembinaan banyak lagi bangunan yang diperlukan, semuanya ini infrastruktur yang diperlukan. Di samping itu, misalnya Negeri Pulau Pinang sedang bekerja rapat dengan Kerajaan Pusat untuk menerokai bagaimana kita dapat mewujudkan satu sistem monorail di Negeri Pulau Pinang khususnya di Bandaraya Georgetown disambung ke lapangan terbang. Oleh itu, ini merupakan satu prasarana juga yang amat dialu-alukan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Oleh itu, memang apa yang penting ialah *not just infrastructure....(dengan izin), but the software the humanware* yang perlu untuk membawa makna dan faedah kepada rakyat dan dalam perkara ini ialah isu penggunaan dan isu penyelenggaraan ataupun maintenance menjadi penting. Dan dalam konteks ini memang Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri menyuarakan hasrat beliau bahawa janganlah kita mempunyai prasarana atau kemudahan *first world* yang maju yang elok tetapi *mentality third world* iaitu *mentality* yang masih mundur yang tidak pandai menjaga dan menyelenggarakan kemudahan yang dibina itu.

Saya menganggap bahawa nasihat beliau memang amatlah bernas tetapi nasihat beliau tidak bermakna bahawa kita tidak akan membangunkan lagi prasarana. Berkaitan dengan ini Dato' Speaker pembangunan ekonomi sahaja pun tidak mencukupi ... (dengan izin) *not just economy development*. Kita telah, sedang dan akan terus mengambil kira dan mengambil berat pembangunan sosial termasuk juga pembangunan sukan, pembangunan kerohanian dan semua aspek. Ini sebagai satu aspek pembangunan yang seimbang dari ekonomi dari segi kebendaan, tetapi dari segi sosial, dari segi kerohanian, kita hendaklah mempunyai satu pembangunan yang seimbang dari segi itu. Oleh itu bagi Negeri Pulau Pinang kita memang amat bertuah kerana negeri ini ialah negeri yang pertamanya mengadakan satu kompleks penyayang di mana kita menjemput kebanyakan dari pertubuhan-pertubuhan amal, pertubuhan wanita dan belia untuk bersama-sama dalam satu kompleks kita dapat berinteraksi, mereka diberi kemudahan asas supaya mempunyai pejabat, mempunyai ruangan persidangan, bengkel dan sebagainya untuk mereka bersama-sama menyumbang kepada proses pembangunan sosial ini. Oleh itu saya..... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Boleh ye bagi Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Tanjung Bunga juga selaku Y.A.B. Ketua Menteri banyak pun sudah Y.A.B. Ketua Menteri bercakap mengenai pembangunan dan ICT, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan perikanan dan akhir sekali mengenai dengan masyarakat penyayang. Saya ingin penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri dan juga selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga. Semalam Ahli Yang Berhormat Datok Keramat ada bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Acheh mengenai dengan teguran pandangan Y.A.B. Perdana Menteri tetapi pada pandangan saya, yang sesuai ialah Yang Berhormat Tanjung Bunga bukan sahaja selaku Y.A.B. Ketua Menteri tetapi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga, kerana Perdana Menteri menyentuh mengenai dengan pembangunan di sekitar utara Pulau Pinang ini yang telah melibatkan kawasan Tanjung Bunga, Tanjung Tokong dan Batu Feringghi. Saya minta penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri adakah pertamanya teguran Perdana Menteri ini betul dan kita pun tidak tahu apa hasrat atau pun apa yang tersurat daripada Y.A.B. Perdana Menteri, tetapi apa yang kita tahu ialah yang tersurat dan apa yang tersirat, tetapi yang tersuratnya kita tahu bahawa Y.A.B. Perdana Menteri mengatakan bahawa di sekitar utara Pulau Pinang ini dari kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bunga dan Batu Feringghi nampaknya tidak ada pembangunan, tidak seimbang, pembangunan yang tidak seimbang sehingga mendapatkan bahawa penduduk-penduduk dan rumah-rumah di situ membayangkan kita iaitu tidak berubah sejak tahun 1950. Ini maknanya bahawa tidak usah kita bangsa atau kaum yang tinggal di situ. Tetapi orang miskin ini terpinggir dari pembangunan Pulau Pinang. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan beliau sibuk mengenai untuk mendapat sepakatan dan maklumat daripada rakan-rakan anak Malaysia yang bincang tentang pembangunan sehingga tidak dapat tidur dan sebagainya. Tetapi pada waktu yang sama, Y.A.B. Ketua Menteri juga mengabaikan kawasan-kawasan pembangunan seolah-olah satu *stress* daripada kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bunga dan Batu Feringghi seolah-olah membayangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mewujudkan satu zon kaum elit di kawasan ini. Ini pada pandangan saya, terpulang kepada Y.A.B. Ketua Menteri memberi penjelasan kepada saya.

Tetapi apa yang ditegur oleh Perdana Menteri yang pernah kita tegur dan bawa dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih tidak dipandang serius tetapi apabila Y.A.B. Perdana Menteri membuat satu teguran yang serius, mungkin juga teguran ini merupakan teguran yang terakhir sebelum Y.A.B. Perdana Menteri menamatkan perkhidmatan pada bulan sepuluh ini, kita yakin beliau akan tamatkan perkhidmatan pada bulan sepuluh ini dan apa mungkin teguran ini adalah secara ikhlas kerana apa yang kita lihat daripada yang terpapar di dalam akhbar-akhbar utama, kita nampak bahawa terwujudnya kemiskinan dari segi pendudukan, dari segi perumahan di satu kawasan dikelilingi oleh pembangunan yang tidak seimbang. Maka kawasan ini adalah secara terusnya kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga. Sebab itu satu ketika dahulu telah timbul masalah Melayu terpinggir dan secara kebetulan penduduk-penduduk yang terpinggir tidak seimbang pembangunan ini adalah orang Melayu.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat sudah faham apa yang dimaksudkan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Bila hendak minta penjelasan, saya hendak kena serupa gulung juga ...(ketawa).

Dato' Speaker:

Bukan masa untuk menggulung lagi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Ya lah, tetapi hendak minta penjelasan itu, kalau hendak minta penjelasan, sila beri penjelasan tidak berapa sedap pula.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat berulang-ulang benda yang sama.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Jadi itulah saya minta penjelasan. Apa yang kita mahu ialah untuk kebaikan semua. Janganlah dijadikan sebagai satu kumpulan dipinggirkan, mewujudkan satu perimbangan yang tidak baik dalam negeri kita ini. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Speaker, ini Ahli Penanti ambil kesempatan untuk gulung sebagai Ketua Pembangkang nampaknya. Ini dialu-alukan, tidak mengapa, ini positif ya. Sebenarnya beliau kurang sabar, sebab saya sebenarnya akan pergi ke sana isu itu, untuk mengulas isu yang dibangkitkan oleh Ahli Penanti tentang menyentuh tentang isu pembangunan sosial, tentang isu pembangunan yang menjejaskan orang yang terlibat dan sebagainya dan akhirnya saya akan menyentuh perkara ini. Walau bagaimanapun oleh kerana Ahli Penanti tidak begitu sabar dan ingin mendapatkan jawapan, saya boleh menjawab terlebih dahulu.

Yang pertamanya, Ahli Penanti nampaknya tidak hadir pada upacara yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Sebenarnya dalam ucapan beliau, beliau banyak memuji.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Saya tidak dijemput.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okay lah tidak ada dijemput atau tidak dijemput tidak apa, tidak hadir tetapi ramai di antara kita dan juga ketua-ketua jabatan yang hadir dan orang kampung pun hadir. Memang apa yang dikatakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam konteks pembangunan pesat. Sebenarnya dalam ucapan beliau, beliau memuji apa yang beliau nampak di kawasan sebelah Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Batu Feringghi hingga ke Telok Bahang. Kalau kita membaca laporan surat khabar bukan sahaja seolah-olah head line sahaja, kita akan dapati gambaran yang lebih menyeluruh di mana beliau memang mengatakan dalam Berita Harian bahawa hasil pemerhatian saya, iaitu beliau, pembangunan pesat berlaku di bahagian sebelah di sini di bahagian utara dengan begitu banyak bangunan moden, tinggi dan pencakar langit. Beliau memang terkejut, begitu banyak dan beliau tidak sedar begitu banyak, dan beliau tidak mengatakan tidak ada pembangunan. Tetapi sebaliknya beliau mengatakan bahawa kita perlu pembangunan yang lebih seimbang lagi. Usaha itu gigih, harus diteruskan dan sememangnya dalam laporan dari Mingguan Malaysia yang tajuknya memang mengejutkan sedikit Perdana Menteri tegur Pulau Pinang tetapi dalam laporan yang sama akhirnya paragraph yang terakhir 'saya ucap tahniah kepada kerajaan negeri yang akan menolong memudahkan dan memindahkan penduduk yang

tinggal di rumah kurang selesa, dia ucapkan terima kasih dan sebelum itu dia ucapkan tahniah dan inilah konteksnya kita memang menyambut baik apa yang komen yang Y.A.B. Perdana Menteri bahawa di tiap-tiap kawasan pun bukan sahaja di Tanjung Tokong, Tanjung Bunga di mana-mana pun di Negeri Pulau Pinang satu bandar yang pesat membangun begitu juga Kuala Lumpur, begitu juga Johor Bharu memang ada kawasan-kawasan setinggan yang masih perlu kita membantu untuk membangunkan, perkara ini kita memang amat prihatin dan peka. Oleh kerana Ahli Penanti membangkitkan isu ini, biarlah saya memberi cerita sejarah sedikit supaya Ahli Penanti memahami kedudukan di Tanjung Tokong sebagai satu contoh. Sememangnya Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan kerajaan pusat telah merancang untuk membangunkan Tanjong Tokong. Proses projek pembangunan dan ini telah dimulakan pada tahun 80-an dengan penglibatan (UDA) Urban Development Authority sebagai agensi pelaksana yang ditugaskan bersama dengan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Oleh itu dalam penghujung tahun 80-an UDA telah siap membinakan pangsapuri UDA, fasa 1, fasa 2 dan fasa 3. Tetapi pada waktu itu orang kampung merasa kuatir, tetapi saya bukan menyalahkan orang kampung, mereka kuatir kerana mereka di minta ubah corak mereka daripada kampung tradisi masuk ke rumah pangsapuri. Mereka pada waktu itu, tidak begitu memahami keperluan untuk masuk ke dalam rumah pangsapuri, kerana kerajaan pada waktu itu tahun 80-an bersama dengan kerajaan pusat sudah sedar bahawa sekiranya kita menggunakan tanah yang terhad dan bilangan penduduk dan keluarga yang kian berkembang. Kawasan kampung itu di Tanjung Tokong tidak dapat menampung bilangan penduduk yang kian bertambah dan menjadi keadaan yang sangat sesak kerana tanah tidak cukup. Oleh itu projek pembangunan UDA untuk membina rumah pangsapuri supaya lebih banyak unit dan lebih ramai lagi orang dan banyak lagi isi rumah yang dapat ditempatkan atas tanah yang terhad itu. Oleh itu percayalah pembangunan fasa 1, fasa 2, fasa 3 tetapi asalnya orang kampung tidak mahu pindah kerana takut kuatir dan memerlukan pampasan dan meminta supaya yuran harga rumah dikurangkan dan selepas banyak kali perundingan maka harga rumah dikurangkan, *service charge* tertunggak itu dikecualikan dan pampasan diberikan dan sebagainya, mereka berpindah. Selepas pindah itu kita perlu selesaikan isu ini sehingga tahun 1995 dan 1996 baru sahaja diselesaikan. Isu harga, isu tunggakan, isu pampasan dan orang kampung yang masuk Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 pun merasa selesa pada masa itu dan pada masa yang sama UDA juga membangunkan Fasa 4A dengan adanya satu kluster rumah pangsapuri yang lebih selesa sebagai rumah

sederhana rendah semua dijual juga kebanyakan kepada orang kampung, permintaannya tinggi tetapi sampai tahun 1996, UDA pun berpendapat bahawa mereka tidak rela lagi untuk melanjutkan projek ini kerana melalui semua proses perundingan dengan mengurangkan kos harga rumah dengan meningkatkan lagi pampasan dengan mengecualikan tunggakan dan sebagainya.

Saya menganggap bahawa nasihat beliau memang amatlah bernas tetapi nasihat beliau tidak bermakna bahawa kita tidak akan membangunkan lagi prasarana. Berkaitan dengan ini Dato' Speaker pembangunan ekonomi sahaja pun tidak mencukupi ... (dengan izin) *not just economy development*. Kita telah, sedang dan akan terus mengambil kira dan mengambil berat pembangunan sosial termasuk juga pembangunan sukan, pembangunan kerohanian dan semua aspek. Ini sebagai satu aspek pembangunan yang seimbang dari ekonomi dari segi kebendaan, tetapi dari segi sosial, dari segi kerohanian, kita hendaklah mempunyai satu pembangunan yang seimbang dari segi itu. Oleh itu bagi Negeri Pulau Pinang kita memang amat bertuah kerana negeri ini ialah negeri yang pertamanya mengadakan satu kompleks penyayang di mana kita menjemput kebanyakan dari pertubuhan-pertubuhan amal, pertubuhan wanita dan belia untuk bersama-sama dalam satu kompleks kita dapat berinteraksi, mereka diberi kemudahan asas supaya mempunyai pejabat, mempunyai ruangan persidangan, bengkel dan sebagainya untuk mereka bersama-sama menyumbang kepada proses pembangunan sosial ini. Oleh itu saya..... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Boleh bagi Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Tanjung Bunga juga selaku Y.A.B. Ketua Menteri banyak pun sudah Y.A.B. Ketua Menteri bercakap mengenai pembangunan dan ICT, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan perikanan dan akhir sekali mengenai dengan masyarakat penyayang. Saya ingin penjelasan daripada Y.A.B. Ketua

Menteri dan juga selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga. Semalam Ahli Yang Berhormat Datok Keramat ada bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Acheh mengenai dengan teguran pandangan Y.A.B. Perdana Menteri tetapi pada pandangan saya, yang sesuai ialah Yang Berhormat Tanjung Bunga bukan sahaja selaku Y.A.B. Ketua Menteri tetapi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga, kerana Perdana Menteri menyentuh mengenai dengan pembangunan di sekitar utara Pulau Pinang ini yang telah melibatkan kawasan Tanjung Bunga, Tanjung Tokong dan Batu Feringghi. Saya minta penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri adakah pertamanya teguran Perdana Menteri ini betul dan kita pun tidak tahu apa hasrat atau pun apa yang tersurat daripada Y.A.B. Perdana Menteri, tetapi apa yang kita tahu ialah yang tersurat dan apa yang tersirat, tetapi yang tersuratnya kita tahu bahawa Y.A.B. Perdana Menteri mengatakan bahawa di sekitar utara Pulau Pinang ini dari kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bunga dan Batu Feringghi nampaknya tidak ada pembangunan, tidak seimbang, pembangunan yang tidak seimbang sehingga mendapatkan bahawa penduduk-penduduk dan rumah-rumah di situ membayangkan kita iaitu tidak berubah sejak tahun 1950. Ini maknanya bahawa tidak usah kita bangsa atau kaum yang tinggal di situ. Tetapi orang miskin ini terpinggir dari pembangunan Pulau Pinang. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan beliau sibuk mengenai untuk mendapat sepakatan dan maklumat daripada rakan-rakan anak Malaysia yang bincang tentang pembangunan sehingga tidak dapat tidur dan sebagainya. Tetapi pada waktu yang sama, Y.A.B. Ketua Menteri juga mengabaikan kawasan-kawasan pembangunan seolah-olah satu *stress* daripada kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bunga dan Batu Feringghi seolah-olah membayangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mewujudkan satu zon kaum elit di kawasan ini. Ini pada pandangan saya, terpulang kepada Y.A.B. Ketua Menteri memberi penjelasan kepada saya. Tetapi apa yang ditegur oleh Perdana Menteri yang pernah kita tegur dan bawa dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih tidak dipandang serius tetapi apabila Y.A.B. Perdana Menteri membuat satu teguran yang serius, mungkin juga teguran ini merupakan teguran yang terakhir sebelum Y.A.B. Perdana Menteri menamatkan perkhidmatan pada bulan sepuluh ini, kita yakin beliau akan tamatkan perkhidmatan pada bulan sepuluh ini dan apa mungkin teguran ini adalah secara ikhlas kerana apa yang kita lihat daripada yang terpapar di dalam akhbar-akhbar utama, kita nampak bahawa terwujudnya kemiskinan dari segi pendudukan, dari segi perumahan di satu kawasan dikelilingi oleh pembangunan yang tidak seimbang. Maka kawasan ini adalah secara terusnya kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga. Sebab itu satu ketika dahulu telah timbul masalah Melayu terpinggir dan secara kebetulan penduduk-penduduk yang terpinggir tidak seimbang pembangunan ini adalah orang Melayu.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat sudah faham apa yang dimaksudkan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Bila hendak minta penjelasan, saya hendak kena serupa gulung juga ...(ketawa).

Dato' Speaker:

Bukan masa untuk menggulung lagi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Ya lah, tetapi hendak minta penjelasan itu, kalau hendak minta penjelasan, sila beri penjelasan tidak berapa sedap pula.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat berulang-ulang benda yang sama.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Jadi itulah saya minta penjelasan. Apa yang kita mahu ialah untuk kebaikan semua. Janganiah dijadikan sebagai satu kumpulan dipinggirkan, mewujudkan satu perimbangan yang tidak baik dalam negeri kita ini. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Speaker, ini Ahli Penanti ambil kesempatan untuk gulung sebagai Ketua Pembangkang nampaknya. Ini dialu-alukan, tidak mengapa, ini positif ya. Sebenarnya beliau kurang sabar, sebab saya sebenarnya akan pergi ke sana isu itu, untuk mengulas isu yang dibangkitkan oleh Ahli Penanti tentang menyentuh tentang isu pembangunan sosial, tentang isu pembangunan yang menjejaskan orang yang terlibat dan sebagainya dan akhirnya saya akan menyentuh perkara ini. Walau bagaimanapun oleh kerana Ahli Penanti tidak begitu sabar dan ingin mendapatkan jawapan, saya boleh menjawab terlebih dahulu.

Yang pertamanya, Ahli Penanti nampaknya tidak hadir pada upacara yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Sebenarnya dalam ucapan beliau, beliau banyak memuji.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Saya tidak dijemput.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okay lah tidak ada dijemput atau tidak dijemput tidak apa, tidak hadir tetapi ramai di antara kita dan juga ketua-ketua jabatan yang hadir dan orang kampung pun hadir. Memang apa yang dikatakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam konteks pembangunan pesat. Sebenarnya dalam ucapan beliau, beliau memuji apa yang beliau nampak di kawasan sebelah Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Batu Feringghi hingga ke Telok Bahang. Kalau kita membaca laporan surat khabar bukan sahaja seolah-olah *head line* sahaja, kita akan dapati gambaran yang lebih menyeluruh di mana beliau memang mengatakan dalam Berita Harian bahawa hasil pemerhatian saya, iaitu beliau, pembangunan pesat belaku di bahagian sebelah di sini di bahagian utara dengan begitu banyak bangunan moden, tinggi dan pencakar langit. Beliau memang terkejut, begitu banyak dan beliau tidak sedar begitu banyak, dan beliau tidak mengatakan tidak ada pembangunan. Tetapi sebaliknya beliau mengatakan bahawa kita perlu pembangunan yang lebih seimbang lagi. Usaha itu gigih, harus diteruskan dan sememangnya dalam laporan dari Mingguan Malaysia yang tajuknya memang mengejutkan sedikit Perdana Menteri tegur Pulau Pinang tetapi dalam laporan yang sama akhirnya *paragraph* yang terakhir saya ucap tahniah kepada kerajaan negeri yang akan menolong memudahkan dan memindahkan penduduk yang tinggal di rumah kurang selesa, dia ucapkan terima kasih dan sebelum itu dia ucapkan tahniah dan inilah konteksnya kita memang menyambut baik apa yang komen yang Y.A.B. Perdana Menteri bahawa di tiap-tiap kawasan pun bukan sahaja di Tanjung Tokong, Tanjung Bunga di mana-mana pun di Negeri Pulau Pinang satu bandar yang pesat membangun begitu juga Kuala Lumpur, begitu juga Johor Bharu memang ada kawasan-kawasan setingan yang masih perlu kita membantu untuk membangunkan, perkara ini kita memang amat prihatin dan peka. Oleh kerana Ahli Penanti membangkitkan isu ini, biarlah saya memberi cerita sejarah sedikit supaya Ahli Penanti memahami kedudukan di Tanjung Tokong sebagai satu contoh.

Sememangnya Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan kerajaan pusat telah merancang untuk membangunkan Tanjong Tokong. Proses projek pembangunan dan ini telah dimulakan pada tahun 80-an dengan penglibatan (UDA) Urban Development Authority sebagai agensi pelaksana yang ditugaskan bersama dengan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Oleh itu dalam penghujung tahun 80-an UDA telah siap membinakan pangsapuri UDA, fasa 1, fasa 2 dan fasa 3. Tetapi pada waktu itu orang kampung merasa kuatir, tetapi saya bukan menyalahkan orang kampung, mereka kuatir kerana mereka di minta ubah corak mereka daripada kampung tradisi masuk ke rumah pangsa. Mereka pada waktu itu, tidak begitu memahami keperluan untuk masuk ke dalam rumah pangsa, kerana kerajaan pada waktu itu tahun 80-an bersama dengan kerajaan pusat sudah sedar bahawa sekiranya kita menggunakan tanah yang terhad dan bilangan penduduk dan keluarga yang kian berkembang. Kawasan kampung itu di Tanjong Tokong tidak dapat menampung bilangan penduduk yang kian bertambah dan menjadi keadaan yang sangat sesak kerana tanah tidak cukup. Oleh itu projek pembangunan UDA untuk membina rumah pangsa supaya lebih banyak unit dan lebih ramai lagi orang dan banyak lagi isi rumah yang dapat ditempatkan atas tanah yang terhad itu. Oleh itu percayalah pembangunan fasa 1, fasa 2, fasa 3 tetapi asalnya orang kampung tidak mahu pindah kerana takut kuatir dan memerlukan pampasan dan meminta supaya yuran harga rumah dikurangkan dan selepas banyak kali perundingan maka harga rumah dikurangkan, *service charge* tertunggak itu dikecualikan dan pampasan diberikan dan sebagainya, mereka berpindah. Selepas pindah itu kita perlu selesaikan isu ini sehingga tahun 1995 dan 1996 baru sahaja diselesaikan. Isu harga, isu tunggakan, isu pampasan dan orang kampung yang masuk Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 pun merasa selesa pada masa itu dan pada masa yang sama UDA juga membangunkan Fasa 4A dengan adanya satu cluster rumah pangsa yang lebih selesa sebagai rumah sederhana rendah semua dijual juga kebanyakan kepada orang kampung, permintaannya tinggi tetapi sampai tahun 1996, UDA pun berpendapat bahawa mereka tidak rela lagi untuk melanjutkan projek ini kerana melalui semua proses perundingan dengan mengurangkan kos harga rumah dengan meningkatkan lagi pampasan dengan mengecualikan tunggakan dan sebagainya.

Pada tahun 1995, kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa penempatan penduduk setingan ini boleh dipindahkan kepada Riffle Range dan semasa itu Riffle Range terdapat 0 unit sebanyak 400 unit, 430 lebih unit mengapa pada masa itu kerajaan tidak mahu memindahkan mereka ke Taman Riffle Range.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Speaker, Ahli Batu Lancang memang dia kurang faham atau tidak mahu faham, sebenarnya perkara ini telah diberi penjelasan berkali-kali sama ada di dalam Dewan ini atau melalui surat khabar. Yang pertamanya memang betul pada asalnya Lebuhraya Jelutong di rancang untuk dilaksanakan sekali gus dari Jalan Udini sampailah ke Weld Quay sekali gus waktu kita merancang dalam tahun 1995, 1996, sebelum kegawatan ekonomi, dan konsep pembangunan Lebuhraya Jelutong ialah untuk supaya kerajaan negeri atau pusat tidak mengeluarkan peruntukan wang secara langsung, *direct grant* tetapi dapat jalan itu, lebuh raya itu dengan kos subsidi, kos subsidi melalui pembangunan harta tanah atas tanah tebus guna, itu konsepnya dan kita mengadakan satu sistem open tender di mana sambutannya amat baik pada waktu itu lebih daripada 30 buah syarikat yang menunjukkan minat dan kita cuma pilih 10 buah syarikat main board dalam KLSE, tidak cukup berhati-hati, cukup berhati-hati *main board* memang kuat kita pilih cuma *main board* untuk masuk tender 10 buah selepas itu kita pilih IJM yang menawarkan tender yang terbaik dan kita tandatangi pada April 1997 lewat sedikit kerana EPU hendak meneliti supaya semua teratur, semua perjanjian itu mengikut kod syarat-syarat penswastaan tetapi malangnya kerana kegawatan ekonomi memang syarikat itu diharapkan untuk mengeluarkan dananya sendiri dan waktu itu tidak ada bank yang memberi pinjaman, sebab oleh itu mereka merayu supaya mengadakan mengikut fasa dan tidak dapat dilaksanakan sekali gus, kalau kita hendak laksanakan sekali gus memang ada 2 jalan dengan melaksanakan dengan secepat mungkin.

Yang pertamanya peruntukkan daripada kerajaan, sama ada kerajaan negeri atau kerajaan pusat, kita mesti keluarkan wang rakyat, itu yang pertama beratus juta ringgit, itu yang pertama, ataupun kita kenakan tol, dan kedua-dua ini saya tidak bersetuju saya kata jangan, kerana kegawatan ekonomi kerajaan pusat pada waktu memerlukan wang untuk projek-projek lain dan sebab itu kita bahagikan mengikut fasa, supaya tidak terlalu beban kepada syarikat kerana syarikat hendaklah mengeluarkan dananya sendiri dan saya berharap Ahli Batu Lancang pun memahami bagaimana kerajaan negeri menguruskan satu projek yang tidak melibatkan peruntukkan secara langsung daripada kerajaan negeri tanpa membebankan rakyat dengan tol dan akan mewujudkan beribu-ribu rumah sederhana rendah dan kos rendah dan kita mestilah berunding dengan pihak syarikat supaya mereka tidak terlalu terbeban sehingga projek ini terbengkalai, saya ingat itulah yang munasabah sekali dan

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | | |
|-----|---|---------------|
| (1) | Y.B. Dato,' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | - (Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Lee Hack Teik | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Lim Gim Soon | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin
Radin Hj. Hadi Munir | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Encik Mohd.Hamdan bin
Abdul Rahman | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli yang lain akan membentuk satu korum

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke Sepuluh.

- | | | |
|-----|---|---------------|
| 1) | Y.B. Dato;’ Haji Yahaya bin Abdul Hamid | - (Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Lee Hack Teik | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Lim Gim Soon | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin
Radin Hj. Hadi Munir | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Encik Mohd.Hamdan bin Abdul Rahman | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujukkan kepadanya yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu komite.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang yang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya.

Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”, yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Dato’ Speaker:

“Ya” sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

Usul daripada Y.B. Dato’ Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato’ Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikutan dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | | |
|-----|--|--------------|
| (1) | Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | -(Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Lim Boo Chang | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Puan Tan Cheng Liang | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Abdul Rahman b. Abdul Kadir | - (Ahli) |
| (9) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli yang lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Sesiapa ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.
Tidak ada.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.

- | | | |
|-----|--|--------------|
| 1) | Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | -(Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Lim Boo Chang | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Puan Tan Cheng Liang | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Abdul Rahman b. Abdul Kadir | - (Ahli) |
| (9) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli yang lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa, dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | | |
|-----|--|--------------|
| (1) | Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | -(Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Lau Chiek Tuan | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Loo Ah Dee | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Abd. Ro'ni bin A.Hasan | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Encik Lim Chien Aun | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - (Ahli) |
| (9) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abdul Rahman | -(Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Sekarang dibuka untuk perbahasan. Tidak ada.

Masalah yang dihadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kespuluh.

- | | | |
|-----|---|--------------|
| (1) | Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | -(Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Lau Chiek Tuan | - (Ahli) |
| (3) | Y.B. Encik Loo Ah Dee | - (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - (Ahli) |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Abd. Ro'ni bin A.Hasan | - (Ahli) |
| (7) | Y.B. Encik Lim Chien Aun | - (Ahli) |
| (8) | Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - (Ahli) |
| (9) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abdul Rahman- | (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapat dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Awam Kerajaan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| (1) | Y.B. Encik Hilmi bin Abdul Rashid | - | (Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Teng Chang Yeow | - | (Ahli) |
| (3) | Y.B. Tuan syed Amerruddin bin
Dato' Hj. Syed Ahmad | - | (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lye Siew Weng | - | (Ahli) |
| (5) | Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul
Kadir | - | (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - | (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan dua ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kah Huah):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Di buka untuk perbahasan.

Masalah yang kita hadapi sekarang usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| (1) | Y.B. Encik Hilmi bin Abdul Rashid | - | (Pengerusi) |
| (2) | Y.B. Encik Teng Chang Yeow | - | (Ahli) |
| (3) | Y.B. Tuan syed Amerruddin bin
Dato' Hj. Syed Ahmad | - | (Ahli) |
| (4) | Y.B. Encik Lye Siew Weng | - | (Ahli) |
| (5) | Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul
Kadir | - | (Ahli) |
| (6) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - | (Ahli) |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan dua ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

Usul daripada Y.B. Encik Lau Heng Kiang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, saya memohon untuk mencadangkan untuk mencadangkan usul ini supaya Dewan yang mulia ini dapat meninjau semula sistem jalan pelan sehalu yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada 29 Mac, 2003 di Jalan Sungai Pinang, Jalan Gurdwara, Jalan Jelutong dan di Lebuh Macallum dan sebagainya. Supaya sistem sehalu ini... (gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat sila baca usul itu, kalau ada sokongan, baru kita boleh berbahas, bacakan dahulu usul.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Lau Heng Kiang):

Dato' Speaker, saya memohon untuk mencadangkan usul sebegini, oleh sebab pelaksanaan sistem jalan sehalu oleh kerajaan negeri di sekitar Jalan Sungai Pinang, Jalan Sungai, Jalan Gurdwara, Jalan Jelutong dan sebagainya telah menimbulkan banyak masalah dan mengancam keselamatan orang ramai, maka saya ingin mencadangkan usul ini supaya kerajaan negeri dapat menghapus atau membatalkan sistem dan mengembalikan sistem jalan dua hala yang digunakan sebelum 29 Mac, 2003.

Dato' Speaker:

Ada sokongan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, sejak kerajaan negeri melaksanakan sistem tersebut penduduk-penduduk di sekitar telah menghadapi banyak masalah, mereka telah mengalami mengadu bahawa memang sukar untuk melintasi jalan raya umpamanya di Jalan Jelutong yang berhampiran dengan Lebuhraya Bakau dan Pasar Sungai Pinang, kerana banyak kereta melalui kawasan tersebut dengan keadaan yang laju. Perniagaan di sekitar terjejas sekurang-kurangnya 20% hingga 50% kerana kereta atau lori mereka tidak boleh berhenti di hadapan kedai mereka untuk mengangkat dan menurunkan barang-barang.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini Parti DAP telah melancarkan satu kempen untuk membantah pelaksanaan sistem jalan sehalu tersebut dan dalam 2 hari sahaja kita telah mendapat kumpulkan sebanyak 230 tandatangan daripada penduduk-penduduk di Jalan Sungai Pinang dan Jalan Sungai, termasuk orang Melayu dan India yang menduduki di kampung tersebut. Mereka telah memberi sokongan yang kuat kepada Parti DAP. Saya telah mengumumkan berita ini di dalam surat kabar bahawa Parti DAP dan penduduk-penduduk di sana khasnya orang kampung dari Jalan Sungai akan melancarkan satu protes pada 5 April, tahun ini. Oleh demikian apabila kerajaan negeri dapat tahu protes besar-besaran ini akan dilancarkan di kawasan Jalan Sungai, dengan serta merta kerajaan tempatan telah mengubah suai balik daripada jalan sehalu kepada jalan dua hala di Jalan S.P. Chelliah dan manakala di

sebelah Jalan Sungai yang berhampiran dengan Jalan Sungai Pinang pula di sekat untuk kemasukan kenderaan melalui dari Jalan Sungai Pinang. Keadaan ini telah menambahkan kemarahan oleh penduduk-penduduk di rumah pangsa MPPP, Taman Pelangi dan Taman Lembah Sungai di sebelah Jalan Sungai terhadap kerajaan negeri kerana tiada keadilan dengan mengamalkan sistem *double standard*(dengan izin), oleh sebab kerajaan tempatan di ketuai oleh Ahli Kawasan Kebun Bunga telah memberi arahan untuk menukar sedikit sistem jalan sehala pada 4 haribulan April 2000 telah mengakibatkan beberapa Ahli Majlis MPPP merasa tidak puas hati kerana tidak mengikut peraturan-peraturan.

Dato' Speaker, dengan tingkah laku ini jelas menunjukkan bagaimana keangkuhan dan menyalahgunakan kuasa serta mengamalkan perangai tidak kepedulian kepada orang ramai oleh kerajaan negeri khususnya Y.B. Kebun Bunga. Mereka tetap tidak mahu mengembalikan sistem jalan sehala kepada jalan dua hala, walau pun beberapa tindakan termasuk protes dan tandatangan yang telah diambil oleh orang ramai yang tidak mahu sistem jalan sehala tersebut dilaksanakan. Selain daripada penduduk-penduduk yang menghadapi masalah. Pengguna-pengguna jalan raya sama ada penunggang motosikal atau pemandu kereta juga tidak berpuashati dengan pengubahsuaian sistem jalan raya sehala kerana terpaksa berpusing-pusing dan memasuki jalan raya yang kecil dan sempit telah menyebabkan kegunaan masa yang lebih panjang, di samping itu kemalangan sering berlaku sehingga sekarang sekurang-kurangnya 30 kemalangan kecil dan besar telah berlaku serta menyebabkan seorang penunggang motosikal wanita telah terkorban di jalan sehala. Jalan Sungai Pinang. Kami tidak membantah pelaksanaan Lebuhraya Jelutong tetapi kita bantah sistem jalan sehala ini.

Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa bukan sahaja hanya parti pembangkang yang membantah pelaksanaan sistem jalan sehala ini. Ahli Pengkalan Kota dan Ahli Sungai Pinang dari Barisan Nasional juga membantah sistem jalan sehala tersebut. Di sini sekali lagi saya ingin memperingatkan bahawa Y.B. Ahli Pengkalan Kota mesti memegang teguh kepada prinsip dan janji-janji yang telah dibuat serta jangan menjual maruah dan menentang pelaksanaan sistem tersebut sampai kehabis-habisan. Demi kepentingan rakyat dan bukan untuk demi kepentingan diri sendiri. Sekian dan saya cadangkan usul ini dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Speaker:

Siapa yang ingin mengambil bahagian, Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian usul Ahli Yang Berhormat pembangkang ini. Jadi kita tahulah Lebuhraya Jelutong ini telah dibuka. Jadi pembukaan ini memerlukan satu sistem perubahan terima kasih. Jadi kerajaan ada tujuan bukan sewenang-wenangnya buat, tukar suka, jadi dia buat kerana ada tujuan hasrat baik untuk menyelesaikan masalah dan saya pun ada dengar pihak-pihak tertentu termasuk pembangkang juga kata kerajaan sengaja adakah sistem jalan sehalu untuk menyusahkan rakyat. Itu tidak benar. Kerajaan ini hendak membantu rakyat untuk kepentingan rakyat kita buat Lebuhraya Jelutong kemudian untuk menampung keperluan kita buatlah susunan sedikit di sana sini.

Jadi Dato' Speaker kita juga tahu. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada di sini melalui bangku sekolah, Ketua-ketua Jabatan juga melalui persekolahan sehingga hari ini kita nampak banyak perubahan, banyak pelaksanaannya sistem baru dalam semua bidang mahupun bidang pendidikan, ekonomi, strukturnya kita ubah sehinggakan kita nampak. Baru-baru ini sejam tadi Ketua Menteri sudah berkata dahulu tahun 1990 jumlah nilai eksport komputer kita cuma RM30 juta tetapi sampai tahun 2000 berapa kali, 240 kali ganda RM7.1 billion, Perubahan dalam sepuluh tahun kita dapat prestasi yang begitu baik, saya rasa ini tidak ada bandingan dalam dunia kita jaguh kerana Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang) :

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Minta penjelasan pula.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, saya ingin bertanya satu soalan adakah Ahli Sungai Pinang membantah sistem jalan sehalu ini di Jalan Sungai Pinang?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Dato' Speaker, nanti-nantilah saya jawab ini. Nantilah tidak sampai lagi. Saya masih bercakap mengenai pelaksanaan sistem baru ini satu sahaja awak nampak. Struktur ekonomi kita tukar, pendidikan kita buat, kita buat pendidikan pengajaran Bahasa Inggeris darjah satu, Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, darjah satu.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Dato' Speaker, Dato Speaker saya minta *get the point*, apa yang dok merepek pi jauh-jauh ini soal jalan, jalan sehalu.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Y.B. Penanti masih tidak sabar, saya ada, nanti saya jawab satu persatu tetapi Yang Berhormat kalau hendak saya boleh jawab, hari pertama saya pergi, saya tengok nampak elok maka saya bantah tidak boleh ini, maka hari kedua, hari Ahad tidak apa. Hari Isnin saya mengadakan mesyuarat dengan pertubuhan-pertubuhan akar umbi, parti-parti politik, jadi kita bincang-bincang seelok-eloknya ini kemudian saya membawa usul ini kepada pihak berkuasa. Jadi eloklah bantahan saya dilayani kerana rakyat kita tukar kita tidak degil hati, kepala batu, saya rasa kita ini *flexible* baik saya bantah cadangan saya input saya diterima. Jadi sekarang saya okey tetapi masalah banyak lagi bukan tidak ada, saya tidak habis lagi pelaksanaan sistem baru. Sistem ini bukan baru, sistem kecil sahaja, bagi saya menukar dua jalan ini perkara kecil sahaja, tidak payah membawa usul ini, kerana membawa usul ini oleh saya berkatalah, pelaksanaan sistem pendidikan tengok bantah, bantah guru tidak cukup, buku teks tidak ada tetapi akhirnya rakyat nampak, kita yakinkan rakyat inilah yang baik untuk rakyat yang kita buat, tetapi ada puak-puak ini sengaja berkata susahkan rakyat pembangkang memang cara mereka macam itu, serba salah dia bangkang saja tidak ada apa. Jadi Dato' Speaker, pelaksanaan sistem baru dalam sukari tengok, dalam sejarah Malaysia tidak pernah.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Dato' Speaker, ini Ahli Exco, berlagak macam Ahli Exco

Dato' Speaker:

Bagi jalan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Okey, okey, belum lagi, belum lagi tidak habis lagi. Itu saya kata dalam sejarah Malaysia 400 tahun, 15 tahun pernahlah Malaysia menjadi jaguh di dalam Sukan SEA di Asia Tenggara. Sepuluh negara kita jaguh, *champion* pertama dalam Asia Tenggara, tidak ada kerana perubahan sistem pelaksanaan dan sistem baru

dalam sukan, jadi sistem pelaksanaan sistem baru ini adalah bertujuan dan niatnya baik untuk membantu rakyat, sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab saya rasa kerajaan ini memang membuat sesuatu cara yang betul untuk menyelesaikan masalah penduduk setempat, mungkin ada bantahan, tetapi saya rasa Kerajaan Barisan Nasional dengan rasionalnya dengan kesungguhan politik dengan adanya keberanian politik sungguhpun ada bantahan kita buat dan teruskan.

Jadi Dato' Speaker memang ada masalah banyak sehingga hari ini saya pun pergi tengok keadaan, saya pun, tadi Y.B. Batu Lancang kata, Jalan Sungai Pinang, tahukah Jalan Sungai Pinang akan adakan satu lintasan pejalan kaki berlampu isyarat seperti di Jalan Penang, Penang Road berhadapan KOMTAR, maknanya sama Lebuhraya Jelutong keluar merah sini pun merah, maknanya semua orang boleh lalu, kereta pun boleh lalu, serentak sama-sama seperti di KOMTAR, maknanya sudah selesailah masalah itu. Selain dari itu di Sekolah Tamil, jadi satu sama juga lintasan pejalan kaki berlampu isyarat kerana Barisan Nasional kerana input-input Ahli Pengkalan Kota dan saya sendiri kita buat. Ahli Batu Lancang hanya heboh-hebohkannya bantah saja tetapi apa tidak buat, sikap ini kita tidak boleh terima, kita terimalah sikap pembangkang yang positif seperti Lee Lam Thye dahulu, kita mahu, kita terima itu, tidak mahu sikap negatif ini. Jadi Dato' Speaker, selain dari itu saya rasa macam taman kilang seperti yang dikatakan oleh Y.B. Batu Lancang, saya rasa ini kita buat, yellow box kita buat, jejalur kuning pun akan buat kerana input kita dua ini dan juga prihatin kerajaan negeri kita selesaikan masalah. Jadi Dato' Speaker, kita cadangkan supaya Lebuhraya Jelutong fasa 2 ini cepat habis. Kalau cepat siap lagi selesai bukan sahaja.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Penjelasan, Dato' Speaker, bolehkah sedikit sahaja. Saya cuma hendak cadangkan dalam Dewan ini kepada Y.A.B. Ketua Menteri wujudkan satu jawatan Exco *without* portfolio (dengan izin). (ketawa) dan boleh bagi kepada Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Dato' Speaker ini Y.B. dari Penanti ini memang batu api, selalu batu api ini tidak benar, ini yang saya bahas, ini tidak bersangkutan dengan ini, kalau Y.B. Penanti hendak jadi Exco *without* portfolio boleh lah masuk Barisan Nasional, tempat kosong ada banyak, jadi Dato' Speaker saya beralih kepada usul kita lihat

usul yang dibawa oleh pembangkang tidak ada tujuan langsung, macam dulu dia membawa usul PORR, PORR ditangguhkan dahulu sehingga Lebuhraya Jelutong siap, sekarang Lebuhraya Jelutong sudah siap, jadi tidak ada maknanya langsung usul, sama sekali ini juga apa dia cakap, ubah sehalu jadi dua hala, salah anggapan, andaian usul ini sudah salah kerana Lebuhraya Jelutong sudah jadi dua hala dari GAMA ke Lebuhraya Macallum dulu sehalu, kerana kita prihatin, kita kaji, kita buat dua hala dulu sehalu kita buat dua hala silap. Dari jalan sungai kita pusing kekanan Lebuhraya Jelutong dua hala boleh masuk Sandiland. Makna sehalu ini sedikit bandingkan dengan dahulu, dahulu lagi panjang sehalu, sekarang maknanya kita tukar wajah Lebuhraya Jelutong jadi dua hala panjangnya kalau bandingkan dengan dahulu.

Dato' Speaker, jadi Lebuhraya Jelutong juga dikatakan sehalu itu juga singkat dari Sandiland, C.Y. Choy ke Lebuhraya Bakau berapa? 200 meter pun tidak sampai, seluruh Jalan Jelutong dua hala kekal. Jalan Sungai Pinang juga sama, persimpangan Jelutong dengan Jalan Sungai Pinang ke Petani Road itu sehalu yang lain dua hala cuma 30%. Itu diperlukan untuk melicinkan, memudahkan trafik itu tidak mahu dielakkan. Jadi Dato' Speaker kerana andaianya sudah salah, kerana tidak munasabah cuma hendak publisiti, hendak memancing ikan di air keruh kerana isu ini dia masuk, mungkin ada tujuan memerangkap lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat menyeleweng ataupun tidak bersemangat pasukan Barisan tetapi kali ini jangan bimbang, kita semua bersedia tidak boleh kena dah, jadi Dato' Speaker, saya cadang menolak isu ini.

Dato' Speaker:

Ya, Yang Berhormat Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak bersetuju usul Y.B. Ahli Batu Lancang tidak berhasrat jujur atau *no sincere*...(dengan izin) untuk selesaikan masalah lalu lintas yang dijejaskan perubahan cubaan sistem jalan sehalu di kawasan Jelutong, Jalan Sungai Pinang, Jalan Lebuhraya Jelutong dan Lebuhraya Macallum.

Ahli Kawasan Batu Lancang hanya memakai usul itu sebagai *plat form* untuk *publicity* murah dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Kawasan Batu Lancang juga hendak bermain politik untuk tangkap wakil rakyat yang rajin berkerja dan rajin berkhidmat kepada rakyat yang ada *good imej* atau prestasi yang baik.

Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lintang atau DAP selalu bermain politik atau usul, beliau bukan untuk menyelesaikannya dan selalu berkata apa politik, politik di panggil poli taktik, berbagai-bagai taktik. Ini satu taktik yang kita tidak boleh tumpang masuk, kita sebagai wakil rakyat Barisan Nasional, kita sentiasa berkerja, kita uruskan jalan dan melaksanakan perkara yang baik sahaja, tetapi beliau selalu bermain politik, taktik mencucuk ataupun mengorek, ataupun taktik politik menekan. Perkara ini tidak begitu baik, kita melaksanakan perkara yang baik, dan memberikan orang awam menggunakan jalan yang selesa.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Penjelasan, Ahli Kawasan Batu Lintang.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, sebagai yang saya ketahui, Ahli Yang Berhormat Pengkalen Kota, pada minggu lepas baru sahaja membantah sekerasnya dengan pelaksanaan sistem jalan sehalu ini, tetapi pada hari ini sudah berpusing cakap mengatakan sistem ini baik.

Ahli Pengkalen Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Ini taktik politik, ianya satu taktik yang baik, di mana kita katakan selesai masalah banyak cara dan saluran, taktik ini adalah saluran yang berkesan sebagai mencadangkan usul tersebut tidak berkesan, ini hanya bermain taktik sahaja, taktik korek, taktik cucuk itu sahaja. Perkara ini kita begitu setuju kepada beliau. Sebenarnya menentang percubaan sistem sehalu di kawasan tersebut boleh memakai saluran yang berkesan di mana kita boleh berbincang atau berdialog dengan pihak berkuasa atau MPPP dan MMK lalu lintas dan kemudahan-kemudahan awam boleh lebih kesan untuk menyelesaikan masalah trafik tersebut dan juga sebenarnya pihak MPPP dan MMK lalu lintas boleh *open mind*...(dengan izin) terima aduan dari wakil rakyat kawasan itu dan penghuni kawasan itu, dan boleh juga menerima aduan atau tentangan ataupun maklum balas rakyat yang berkenaan. Sikap ini dan saluran yang baik, politik yang baik.

Dato' Speaker sebenarnya kita juga lihat pihak MPPP dan MMK lalu lintas ada membuat tukar semula ataupun ubah suai sekiranya perlu ditukarkan. Contohnya Yang Berhormat Kawasan Batu Lancang pun ada juga menyebut sebagai S.P. Ceriah, dan kini sudah tukar semula dan semuanya mengikut sesuka hati juga semua menyokong Barisan Nasional, beliau tidak mahu DAP membuat kacau dan juga kawasan di Sungai Pinang ada juga membuat ubah suai, Jalan Petani dan juga Jalan Sungai, ketiga ada juga membuat sedikit pembetulan buka *divider*.. (dengan izin) di Jalan Gurdwara bagi kereta dari River Road, Jalan Sungai boleh berpusing ke kanan dan boleh berpusing ke kiri, ke Lebuhr Sandiland dan tiba ke Jalan C.Y.Choy. Jalan C.Y.Choy yang baik dahulunya ada wakil rakyat masuk ke Jalan C.Y. Choy. Ini saluran yang baik dengan ini ada dua, tiga pandangan di mana saya tidak bersetuju dari Ahli Kawasan Batu Lancang. Terima Kasih.

Dato' Speaker:

Siapa lagi yang ingin mengambil bahagian? Ya, Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan):

Dato' Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lancang dan ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menentang dan menolak usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Lancang. Seperti yang dinyatakan oleh *back bancher* ahli Barisan Nasional tujuan Yang Berhormat Kawasan Batu Lancang yang membawa usul ini ialah pertama, untuk sekali lagi memperangkapkan Ahli Yang Berhormat *back bancher* daripada Barisan Nasional dan saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lancang bahawa Yang Berhormat *back bancher* Barisan Nasional bukan begitu mudah untuk diperangkap pada kali ini dan jangan ingatkan sekali telah makan daging dapat ketahui rasanya, hendak ingin mencuba lagi, saya fikirkan tidak begitu mudah dan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kawasan Batu Lancang hendak menggunakan isu ini untuk mencari publisiti yang murah dan sebagainya dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Batu Lancang di mana beliau yang membawa usul ini. Semenjak jalan sehalu digunakan pada 29 March 2003, berapa kali Yang Berhormat Batu Lancang ada seperti *back bancher* Barisan Nasional, turun ke padang untuk berbincang dengan penduduk di kawasan, pertubuhan di kawasan itu untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Batu Lancang pergi sendiri dan adakah telah memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan. Memang Yang Berhormat daripada Sungai Pinang dan Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota dari segi pro-pektif penduduk di sana yang terlibat secara langsung, memang dari segi pro-pektif mereka membantah dan mereka pada satu ketika ada menyuarakan *opinion*... (dengan izin) daripada penduduk-penduduk di kawasan tempat tersebut, tetapi daripada pro-pektif keseluruhan rakyat Pulau Pinang yang menggunakan jalan-jalan di seluruh Jalan Jelutong Express Way. Daripada gambaran yang besar itu, memang jalan sehalu ialah daripada satu cara yang terbaik untuk mengatasi masalah lalu lintas di negeri Pulau Pinang dan sebagai wakil rakyat mereka tidak ada sebab-sebab untuk membantah, tetapi dari segi penduduk di kawasan memang mungkin mereka membawa pandangan mereka untuk menyuarakan pandangan penduduk di kawasan itu.

Walau bagaimanapun penyusunan semula aliran lalu lintas yang melibatkan satu rangkaian sistem jalan sehalu di sebahagian Jalan Jelutong, Jalan Sungai Pinang, Jalan Petani, Jalan Gurdwara telah dilaksanakan oleh MPPP pada 29 March 2003 untuk menghadapi penumpuan dan peningkatan aliran lalu lintas apabila projek Lebuhraya Jelutong Fasa 1, sepanjang 3.5 kilometer daripada persimpangan Jalan Tengku Kuddin ke persimpangan Jalan Sungai, Jalan Jelutong disiapkan dan di buka kepada aliran lalu lintas.

Kerajaan telah mengambil langkah daripada awal lagi untuk mengkaji dan mengenal pasti masalah-masalah yang mungkin wujud peningkatan aliran lalu lintas di jalan-jalan tempatan yang sedia ada secara langsung ataupun tidak langsung akan menerima kesan daripada pembukaan Lebuhraya Jelutong Fasa 1, untuk mengenal pasti impak lalu lintas ke atas rangkaian jalan tempatan yang sedia ada, MPPP dan juga Jelutong Development Sdn. Bhd. di atas arahan kerajaan negeri telah membiayai satu kajian yang dijalankan oleh syarikat perunding yang pakar dalam bidang lalu lintas dan pengangkutan awam iaitu Juru Perunding Saiment Travels Morgent (M) Sdn. Bhd. ataupun STM.

Pihak STM telah mengemukakan laporan penilaian impak lalu lintas pada bulan April tahun lalu. Beberapa option telah dikaji oleh pihak STM untuk mengenal pasti cara penyelesaian yang terbaik untuk menghadapi impak lalu lintas dengan pembukaan Lebuhraya Jelutong Fasa 1. Selain daripada itu perhatian juga telah diberikan kepada mengoptimumkan penggunaan jalan-jalan sedia ada untuk mengurangkan kos yang terlibat, memandangkan sebarang langkah

yang di ambil mungkin bersifat sementara sehingga keseluruhan projek Lebuhraya Jelutong disiapkan kemudian. Penyusunan semula aliran lalu lintas yang dilaksanakan oleh MPPP adalah berdasarkan perakuan daripada pakar syarikat STM tersebut.

Dato' Speaker, penyusunan semula lalu lintas telah diuji terlebih dahulu sebelum pembukaan Lebuhraya Jelutong Fasa 1, untuk membolehkan orang ramai membiasakan diri dengan sistem tersebut di samping menangani masalah penduduk-penduduk setempat pada Lebuhraya Jelutong Fasa I di buka sepenuhnya pada 22 April 2003 beberapa pembaikan dan pengubahsuaian telah dilaksanakan untuk kepentingan masyarakat tempatan di sini dan pembaikan serta pengubahsuaian kemudian bukan selepas protes seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Lancang. Itu selepas kajian dan maklum balas yang dijalankan oleh Yang Berhormat back bencher iaitu Pengkalan Kota, Yang Berhormat Sungai Pinang selepas bermesyuarat dengan pertubuhan dan pandangan yang diberi oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut selepas itu beberapa minggu percubaan lalu lintas tersebut, barulah kerajaan negeri melalui MPPP mengkaji semula dan membuat pengubahsuaian kepada aliran lalu lintas itu bukan selepas protes seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Lancang.

Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa pembukaan Lebuhraya Jelutong Fasa 1, telah meningkatkan isi padu aliran lalu lintas di beberapa jalan tempatan tertentu kerana pergerakan lalu lintas yang begitu lancar di sepanjang lebuhraya, namun keadaannya masih terkawal walaupun pada waktu-waktu puncak lalu lintas kerana penyusunan semula lalu lintas yang telah dilaksanakan. Masa perjalanan pada amnya telah dipendekkan dan keadaan kesesakan di sepanjang Jalan Jelutong telah banyak berkurangan. Keselamatan juga telah dipertingkatkan dalam kawasan sistem jalan sehala di mana pergerakan konflik dan pergerakan pada arah yang bertentangan dikurangkan serta diluaskan dan ditambahkan lagi. Dari pro-paktif menyeluruh kebaikan yang diperolehi daripada pelaksanaan sistem jalan sehala yang *imperative* untuk pembukaan Lebuhraya Jelutong Fasa 1, adalah jauh daripada nyata berbanding dengan kekurangan sistem tersebut, *that mine you have positive much, much more than the negative aspect...*(dengan izin). Peranan yang dimainkan oleh sistem jalan sehala ini adalah sementara sahaja sehingga projek Lebuhraya Jelutong Fasa 2 daripada Jalan Sungai ke Pengkalan Weld disiapkan nanti.

Dato' Speaker, kerajaan telah mempertimbangkan kebaikan dan manfaat yang akan diperolehi oleh sebahagian besar penduduk Pulau Pinang yang berulang alik daripada kawasan selatan pulau ke Georgetown, tiap hari melalui kawasan Jelutong dan Sungai pinang sebelum melaksanakan sistem jalan sehala tersebut. Pada masa yang sama kesulitan kepada penduduk-penduduk yang tinggal sekitar kawasan jalan sehala, baru telah cuba diminimumkan atau dielakkan dan usaha berterusan akan diambil untuk menangani sebarang masalah dalam soal ini.

Dato' Speaker, saya mohon untuk menolak usul ini dan saya berharap Ahli Baru Lancang akan tarik balik usul ini.

Dato' Speaker:

Siapa lagi yang ingin mengambil bahagian. Ya, Y.B. Batu Lancang ada apa lagi hendak digulung?

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, yang pertama saya ingin menyatakan usul saya tidak akan ditarik balik, demi kepentingan rakyat. Berkenaan dengan Ahli Sungai Pinang, memang saya rasa Ahli Sungai Pinang kurang faham yang saya nyatakan bahawa untuk mengembalikan sistem jalan sehala kepada sistem jalan dua hala iaitu di sekerat Jalan Jelutong dan di sekerat Jalan Gurdwara, bukan sepanjang Jalan Jelutong.

Berkenaan dengan Ahli Kebun Bunga, yang menyatakan saya tidak turun ke padang, saya boleh menunjukkan bukti bahawa saya telah terima 230 tandatangan yang kebanyakannya orang Melayu di kampung Jalan Sungai. Ini adalah bukti dan bukan saja itu, saya mengeluarkan kenyataan dalam surat khabar lebih daripada 10 kali supaya kerajaan negeri dapat mengembalikan jalan dua hala ini, bukan saya tidak bekerja dan oleh yang demikian saya harap usul saya ini dapat diluluskan. Sekian.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul mengikut Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Seksyen 31(1) dan (2), berbunyi seperti berikut:

Oleh sebab pelaksanaan sistem jalan sehala oleh kerajaan negeri di sekitar Jalan Sungai Pinang, Jalan Sungai, Jalan Gurdwara, Jalan Jelutong dan sebagainya telah menimbulkan banyak masalah dan mengancam keselamatan orang ramai, maka saya ingin mencadangkan usul ini supaya kerajaan negeri dapat menghapuskan sistem sehala tersebut dan mengembalikan sistem jalan dua hala yang digunakan sebelum 29 Mac 2003. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya", yang tidak bersetuju, katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Tidak"

Dato' Speaker:

"Tidak" lebih banyak, usul ditolak.

Setiausaha Dewan:

Pemilihan Ahli Dewan Negara.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta mengemukakan cadangan nama-nama untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Negara yang baru menggantikan Y.Bhg. Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang telah tamat tempoh sebagai Ahli Dewan Negara pada 28 Disember 2002. Pemilihan akan dijalankan mengikut cara sepertimana ditetapkan dalam Bahagian I, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang akan dipilih akan berkhidmat selama 3 tahun mulai hari ini. Calon untuk pilihan mestilah dicadang dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai dengan kenyataan bertulis ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa ia bersedia berkhidmat, jika dipilih.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan Y.Bhg. Dr. Chin Fook Weng dipilih semula sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi satu kekosongan berikutan tamat tempoh pada 27 Disember 2002.

Dato' Speaker, Y.Bhg. Dato' Dr. Chin Fook Weng dilahirkan di Negeri Pulau Pinang pada 23 Mac 1946. Selepas beliau mendapatkan Ijazah Falsafah Kedoktoran dalam bidang Chemical Proses Technology dari Scotland, beliau mulai mengajar di Pusat Pengajian Teknologi Industri di USM pada tahun 1970 sehingga

dilantik sebagai Profesor Madya pada tahun 1982. Y.Bhg. Dato' Dr. Chin juga menabur bakti kepada masyarakat sebagai Ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang pada tahun 1974 sehingga 1976 dan kemudian meneruskan khidmatnya sebagai Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari tahun 1977 sehingga 1978. Y.Bhg. Dato' Dr. Chin telah dipilih mewakili Negeri Pulau Pinang sebagai Ahli Dewan Negara mulai 28 Disember 1999 sehingga 27 Disember 2002 untuk tempoh 3 tahun. Dalam tempoh ini beliau telah banyak berucap mengenai isu-isu negara yang penting.

Dato' Speaker, berdasarkan kepada pengalaman yang luar yang dimiliki oleh beliau, saya percaya jika beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Negara, beliau dapat menyambung khidmat dan sumbangan kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan negara pada amnya.

Dato' Speaker, Y.Bhg. Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih dar. Dato' Speaker saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan Y.Bhg. Dato' Omar bin Faudzar dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi satu kekosongan yang telah wujud setelah Y.Bhg. Dato' Ahmad bin Ismail tamat tempoh perkhidmatannya pada 27 Disember 2002.

Dato' Speaker, Y.Bhg. Dato' Omar bin Faudzar dilahirkan pada tahn 1955 merupakan Pengarah Urusan, Aseania Development Sdn. Bhd. dan telah bergiat aktif dalam bidang perniagaan selama 18 tahun. Di samping aktif dalam perniagaan beliau juga banyak memberi sumbangan dalam bidang kemasyarakatan dan pendidikan. Beliau telah berusaha menambah peluang-peluang rakyat untuk memiliki rumah melalui projek-projek perumahan di Pulau Pinang dan beliau juga telah menubuhkan Yayasan Melayu Bayan Baru bagi membantu pelajar-pelajar Melayu yang kurang berkemampuan melalui program pendidikan Pekasa.

Dato' Speaker, berdasarkan kepada pengalaman yang luas, yang dimiliki oleh beliau, saya percaya jika beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Negara, beliau dapat memberi sumbangan lebih bermakna kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan negara amnya. Dato' Speaker, Y.Bhg. Dato' Omar bin Faudzar telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih.

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah terdapat dua calon telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama 3 tahun mulai hari ini iaitu Y.Bhg. Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Y.Bhg. Dato' Omar bin Faudzar dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya"

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

Dato' Speaker:

Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.